

Headline	Penuhi keperluan musim tengkujuh		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	32	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	364 cm ²
Journalist	Nor Khalilah Gusti Hassan	AdValue	RM 7,717
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,151



Penuhi keperluan musim tengkujuh

FAMA pastikan 38 pasar tani sedia barangan mencukupi untuk pengguna

NOR KHALILAH
GUSTI HASSAN

KUANTAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pahang berusaha memenuhi keperluan pengguna pada musim tengkujuh.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pahang, Noh Wan berkata, pihaknya akan memastikan 38 pasar tani di seluruh Pahang dibekalkan dengan barangan yang diperlukan pengguna.



Dua dari kiri: Mejar Rosli, Noh dan Fakhrlul ketika acara penyampaian sumbangan Kongsi Rezeki di Pasar Tani UTC semalam.

“FAMA perlu tingkatkan usaha memenuhi keperluan itu walaupun pada musim tengkujuh,” katanya ketika ditemui media sempena perasmian program Khatan Perdana di Pasar Tani UTC di sini semalam.

Hadir sama, Pegawai Komunikasi Korporat FAMA Pahang, Mejar Rosli Zakaria dan wakil Pejabat Parlimen Kuantan yang juga Pegawai Tugas-Tugas

Khas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), Fakhrlul Anuar Zulkawi.

Beliau berkata, komitmen FAMA terbukti apabila nilai jualan pasar tani di seluruh negeri Pahang tahun ini mencecah RM50 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.8 juta berbanding RM43.2 juta tahun lalu.

Dalam pada itu katanya,

FAMA turut menganjurkan program Jom Kongsi Rezeki iaitu sumbangan makanan mentah kepada asnaf, fakir dan golongan B40 melalui Yayasan Ihsan Prihatin yang mengutamakan penduduk setempat sekitar tapak pasar tani terpilih.

“Bahan makanan mentah Jom Kongsi Rezeki ini ialah sumbangan usahawan dan pengunjung Pasar Tani

di bawah program My Food For Ummah (MF4U) dan Food Bank Malaysia.

“Ini kali kedua di Pahang dan insya-ALLAH akan diperluaskan seluruh negeri dengan menyasarkan 14 lokasi pasar tani terpilih iaitu Beserah, Taman Impian, Balok, Bandar Pekan, River Front Pekan, Chini, Bandae Rompin, Muadzam Shah, Cameron Highlands, Temerloh, Ban-

dar Maran dan Jengka,” katanya.

Menurutnya, setiap lokasi akan melibatkan minimum 30 penerima membatik sumbangan kira-kira RM21,000 sebulan.

Sementara itu, Fakhrlul Anuar berkata, seramai 80 kanak-kanak yang bakal dikhatankan pada 8 Disember ini diraikan dengan semburan air bomba pada program itu.



Seramai 80 peserta khatan sekitar Parlimen Kuantan disembur air oleh pihak bomba.